PEMBERITAHUAN SEBUT HARGA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Tajuk Sebut Harga : **KERJA-KERJA BAGI PENGUBAHSUAIAN STRUKTUR PEJABAT UNTUK MENDIRIKAN DINDING PEMBAHAGI DAN MEMBINA BILIK *COURTESY CALL* DI TINGKAT 2, KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI (KEPI)**

Bilangan Sebut Harga : **JPES/FIN/6/SH.Umum/06**

A. SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga hendaklah menggunakan borang yang disediakan dan diisikan dengan lengkap serta menyertakan salinan **Sijil Pendaftaran Perniagaan 16 dan 17 di bawah Akta Nama-Nama Perniagaan, dan Pendaftaran di bawah Akta Syarikat-Syarikat.**

2. Syarikat yang ikut serta dikehendaki menghadapkan salinan borang ***Certificate of Tax Compliance*** (jika berkenaan) dan mengisikan borang **Pengakuan Integriti Penender** (***Tenders's Integrity Declaration***) dengan lengkap.

3. Borang sebut harga yang lengkap hendaklah dihantar dengan menggunakan sampul surat tertutup (*sealed envelope*) dan dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga** yang disediakan di Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan **tidak lewat hari Rabu, 18 November 2026, jam 9.00 pagi**.

4. Bahagian atas sampul surat tersebut hendaklah ditulis **tajuk sebut harga** dan **tarikh tutup sebut harga** tanpa menunjukkan identiti syarikat di mana-mana bahagian sampul surat yang digunakan dan di alamatkan kepada :

   Pengerusi
   Jawatankuasa Sebut Harga
   Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
   Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan
   Commonwealth Drive
   Jalan Kebangsaan
   Bandar Seri Begawan BB3910
   Negara Brunei Darussalam

5. Sebut harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan dan dikira sebagai sebut harga yang ditolak dan dibatalkan.

6. Mana-mana perubahan harga sama ada dengan menggunakan *correction pen* tidak akan diterima. Perubahan harga adalah dengan memotong angka-angka yang tidak betul dan menuliskan angka yang betul di atasnya dan ditandatangani serta dibubuh cop syarikat.

7. Hanya syarikat yang berjaya sahaja yang dimaklumkan.

8. Syarikat yang berjaya hendaklah memastikan semua bahan binaan dan kelengkapan yang digunakan adalah baharu, berkualiti dan menepati spesifikasi teknikal yang telah ditetapkan, kecuali bahan atau kelengkapan sedia ada yang dinyatakan untuk digunakan semula. Segala kerja

pemasangan hendaklah dilaksanakan dengan sempurna, selamat dan mengikut skop kerja yang dipersetujui.

9. Syarikat yang berjaya hendaklah mematuhi setiap peraturan, perjanjian yang telah dipersetujui termasuk tempoh penyiapan dan segala maklumat yang terkandung di dalam borang sebut harga yang diisikan oleh syarikat berkenaan.

10. Syarikat yang gagal memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

11. JPES berhak untuk membatalkan atau menangguhkan sebut harga tertakluk kepada peraturan yang berkuat kuasa.

12. Syarikat yang gagal mematuhi syarat-syarat sebut harga atau menarik diri setelah menerima tawaran boleh dikenakan tindakan mengikut peraturan dan tatacara perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa.

13. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima sebut harga yang termurah. Sebarang keputusan adalah tertakluk kepada penilaian dan kelulusan pihak berkuasa berkenaan.

B. SENARAI SEMAK BAGI SALINAN-SALINAN YANG PERLU DISERTAKAN

Sila tandakan ☑ bagi dokumen yang disertakan untuk proses sokongan.

☐ Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan 16 & 17 / Form X

☐ Salinan *Certificate of Tax Compliance* (COTC) bagi syarikat yang berdaftar sebagai Sendirian Berhad/Berhad (jika berkenaan)

☐ Borang Pengakuan Integriti Petender *(Tender's Integrity Declaration)* yang lengkap diisikan, ditandatangani dan dibubuh cop syarikat.

☐ Salinan sijil kontraktor yang masih sah daripada Kementerian Pembangunan bagi kelas I dan ke atas, Kategori B01 – Kerja-kerja Bangunan (*Building Works*).

☐ Katalog atau spesifikasi teknikal bagi bahan penebat bunyi yang dicadangkan, termasuk jenis, ketebalan dan maklumat berkaitan, serta gambar bahan (jika ada).

JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK

BORANG SEBUT HARGA

Bilangan Sebutharga	:	JPES/FIN/6/SH.Umum/06
Tajuk Sebutharga	:	Kerja-Kerja Bagi Pengubahsuaian Struktur Pejabat Untuk Mendirikan Dinding Pembahagi dan Membina Bilik *Courtesy Call* di Tingkat 2, Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (KEPI)
Tarikh Tutup	:	Hari Rabu, 18 November 2026 Jam 9.00 pagi

Yang Mulia,
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut harga
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik.

Dengan hormat dimaklumkan bahawa saya seperti keterangan di bawah ini berhasrat menyertai sebutharga yang ditawarkan. Saya telah meneliti dan memahami segala syarat, skop kerja, spesifikasi teknikal serta dokumen berkaitan yang ditetapkan. Saya bersetuju untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja pengubahsuaian mengikut tempoh penyiapan yang ditawarkan serta syarat-syarat sebut harga yang ditetapkan.

A. KETERANGAN SYARIKAT

NAMA : _____

SYARIKAT : _____

ALAMAT : _____

_____

TELEFON & FAX : _____

EMEL : _____

COP SYARIKAT

TANDATANGAN : _____

B. KETERANGAN KERJA

Kontraktor/Pembida yang berjaya adalah dikehendaki untuk mematuhi dan mempersetujui skop kerja dan spesifikasi yang dinyatakan di bawah:-

1. Skop Kerja
   1.1 Membekal dan memasang dinding pembahagi berpenebat bunyi bagi pembentukan Bilik *Courtesy Call*.
   1.2 Membekal dan memasang dinding pembahagi gypsum bagi ruang pejabat.
   1.3 Membekal dan memasang pintu gelangsar kayu serta pintu kayu berengsel, termasuk kelengkapan dan kunci yang bersesuaian.
   1.4 Membuka secara cermat dan memasang semula tingkap kaca berbingkai aluminium sedia ada di lokasi baharu, tertakluk kepada kesesuaian dan keadaan tingkap.
   1.5 Melaksanakan kerja kemasan pada kawasan terjejas, termasuk rawatan sambungan, pembaikan permukaan dan pengecatan.
   1.6 Melindungi perabot, peralatan dan kawasan kerja serta melaksanakan pembersihan dan pelupusan sisa selepas kerja siap.

2. Pelan Susun Atur
   Pelan susun atur yang dicadangkan adalah seperti di **LAMPIRAN A**, yang merangkumi:
   - Bilik *Courtesy Call* di bahagian atas sebelah kiri pelan.
   - Ruang menunggu pelawat di bahagian atas sebelah kanan pelan.
   - Ruang pejabat untuk pegawai/kakitangan di bahagian bawah pelan.
   - Ruang masuk pejabat dan laluan keluar seperti yang ditandakan pada pelan.

3. Keperluan Am
   3.1 Kontraktor hendaklah memeriksa tapak dan mengesahkan ukuran, keadaan sedia ada serta kekangan pelaksanaan sebelum menetapkan harga.
   3.2 Bahan yang digunakan hendaklah baharu dan sesuai untuk kegunaan pejabat, kecuali tingkap sedia ada yang dinyatakan untuk digunakan semula.
   3.3 Semua pemasangan hendaklah kukuh, kemas, rata dan disiapkan dengan kemasan yang bersesuaian.
   3.4 Lantai, perabot, peralatan dan kemudahan sedia ada hendaklah dilindungi daripada habuk dan kerosakan. Kerja yang mengganggu operasi pejabat hendaklah diselaraskan terlebih dahulu.
   3.5 Sebarang kerja yang menjejaskan sistem elektrik, penghawa dingin, pengesanan kebakaran atau perkhidmatan bangunan hendaklah dirujuk kepada pihak teknikal yang berkenaan sebelum dilaksanakan.

C. JADUAL HARGA / *BILL OF QUANTITIES (BQ)*

BIL.	KETERANGAN	UNIT	KUANTITI	KADAR B$	JUMLAH B$
1.0	Kerja-kerja bagi pengubahsuaian struktur pejabat untuk mendirikan dinding pembahagi dan membina bilik *Courtesy Call* di Tingkat 2, Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (KEPI)				
1.1	Dinding pembahagi akustik lengkap – Bilik *Courtesy Call* • Membekal dan memasang rangka logam/GI lengkap dengan aksesori pemasangan yang sesuai. • Memasang papan gypsum dua lapis pada kedua-dua belah rangka. • Memasang bahan penebat bunyi di dalam rongga dinding pembahagi bagi mengurangkan pemindahan bunyi serta meningkatkan privasi perbincangan di dalam Bilik *Courtesy Call*. • Pihak syarikat hendaklah mencadangkan jenis, ketebalan dan spesifikasi bahan penebat bunyi yang bersesuaian serta menyertakan maklumat teknikal atau katalog bahan yang dicadangkan untuk tujuan penilaian. • Menutup semua sambungan dan celah serta menyediakan kemasan permukaan yang rata dan sesuai untuk pengecatan. • Anggaran ukuran kerja: 6,200 mm × 2,900 mm	m²	17.98		
1.2	Pintu gelangsar kayu lengkap – Bilik *Courtesy Call* • Pintu gelangsar kayu hendaklah lengkap dengan rangka, rel, penggelek, pemegang, kunci dan kelengkapan berkaitan serta boleh beroperasi dengan lancar. • Saiz, arah bukaan dan lokasi pemasangan pintu adalah mengikut pelan susun atur dan keperluan teknikal.	unit	1		
1.3	Dinding pembahagi gypsum lengkap – ruang pejabat • Membekal dan memasang dinding gypsum lengkap dengan rangka logam, papan, pengikat, rawatan sambungan dan kemasan. • Menyediakan permukaan untuk melaksanakan kerja-kerja pengecatan akhir. • Anggaran ukuran kerja: 6,600 mm × 2,900 mm.	m²	19.14		
1.4	Pintu kayu hiasan berengsel lengkap – ruang pejabat • Pintu kayu hiasan hendaklah lengkap dengan rangka, engsel, set kunci dan kemasan yang sesuai. • Saiz, arah bukaan dan lokasi pemasangan pintu adalah mengikut pelan susun atur dan keperluan teknikal.	unit	1		
1.5	Buka dan pasang semula tingkap aluminium/kaca • Membuka tingkap sedia ada secara cermat dan melindungi komponen yang hendak digunakan semula. • Menyediakan bukaan yang bersesuaian dan memasang semula tingkap pada lokasi yang diluluskan, termasuk kerja pelarasan dan pengedapan yang diperlukan. • Sekiranya tingkap didapati tidak sesuai untuk digunakan semula, perkara tersebut hendaklah dilaporkan untuk keputusan lanjut sebelum sebarang penggantian.	set	1		
1.6	Kerja-kerja kemasan, perlindungan kawasan dan penyerahan • Melaksanakan kerja-kerja kemasan, pembaikan permukaan dan pengecatan pada kawasan yang terjejas akibat kerja pengubahsuaian. • Melindungi lantai, perabot, peralatan dan kemudahan sedia ada sepanjang tempoh pelaksanaan kerja. • Mengalihkan dan menyusun semula perabot yang terlibat, jika diperlukan. • Membersihkan kawasan kerja serta mengeluarkan dan melupuskan segala sisa binaan selepas kerja siap. • Memastikan semua pemasangan berfungsi dengan baik dan sebarang kecacatan diperbaiki sebelum pemeriksaan serta penyerahan akhir.	Lump sum	1		
				JUMLAH TAWARAN	

Jumlah harga ditawarkan (angka dan perkataan)	:	_____
Tempoh Penyiapan	:	_____
Tempoh waranti / tanggungan kecacatan	:	_____
Tempoh sah laku sebut harga	:	_____

Nota kepada Syarikat:

1. Syarikat hendaklah menggunakan ukuran dan skop yang ditetapkan serta memastikan tiada pertindihan harga antara item.

2. Syarikat hendaklah meneliti dokumen sebut harga dan mengesahkan ukuran dengan membuat lawatan tapak sebelum mengemukakan tawaran.

3. Harga dalam BND hendaklah meliputi semua kos yang berkaitan dengan skop kerja, termasuk bahan, buruh, peralatan, pemasangan, pengangkutan dan pembersihan, mengikut pembahagian item BQ.

4. Syarikat hendaklah mengisi kadar dan jumlah harga bagi setiap item, serta menyatakan sebarang pengecualian atau cadangan bahan alternatif.

5. Pihak syarikat hendaklah menyatakan tempoh penyiapan kerja yang dicadangkan dalam bilangan minggu, tempoh waranti atau tanggungan kecacatan serta tempoh sah laku sebut harga yang ditawarkan.

6. Bagi tujuan lawatan tapak dan sebarang pertanyaan teknikal, pihak syarikat hendaklah menghubungi Dayang Nadiah binti DP Hj Muslim melalui talian 7121454 atau melalui e-mel nadiah.muslim@jpes.gov.bn untuk membuat penyelarasan terlebih dahulu.